

NO. SOALAN : 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini pembinaan rumah mampu milik di Jalan Junid, Muar.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA (Ahli Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 23,990 unit kediaman di Negeri Johor. Pada ketika ini PR1MA masih belum mempunyai sebarang projek di daerah Muar. Walau bagaimanapun sekiranya mana-mana pihak mempunyai sebarang cadangan yang bersesuaian dengan permintaan penduduk setempat, ianya bolehlah dikemukakan kepada PR1MA untuk dikaji secara terperinci kesesuaiannya.

Pada masa ini, lokasi bagi projek kediaman PR1MA di Negeri Johor adalah di kawasan Parlimen Gelang Patah, Tebrau, Johor Bahru, Simpang Renggam, Tenggara, Pasir Gudang, Kluang, Batu Pahat, Pulai, Sekijang, Labis dan Kulai.

Terkini, Alhamdulillah sebanyak 926 unit kediaman PR1MA telah siap dibina di Negeri Johor iaitu Taman Nusantara, Bandar Layangkasa dan Tebrau. Manakala projek-projek kediaman lain masih dalam perancangan dan dalam pembinaan. Daripada jumlah projek yang telah diluluskan oleh Anggota Perbadanan PR1MA, sebanyak 11,747 unit kediaman sedang dalam pembinaan. Jumlah projek-projek selebihnya masih dalam peringkat perancangan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : -
SOALAN : 94**

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini kerja naik taraf bangunan Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar dan adakah projek tersebut telah dimasukkan dalam RMK -11.

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada kerja-kerja naik taraf yang dijalankan di Bangunan Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar yang menggunakan Peruntukan RMK-11. Walau bagaimanapun, terdapat projek naiktaraf sistem loji rawatan air Hospital Sultanah Fatimah dengan kos sebanyak RM1juta yang akan dilaksanakan oleh JKR.

Selain daripada itu, hospital ini juga telah mendapat kelulusan bagi pelaksanaan pembinaan dua (2) unit *modular operating theater* (Modular OT) sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa perbentangan Bajet 2018 yang lalu. Projek ini dijangka selesai pada tahun 2018.